

# Ancaman banjir luar biasa

## Terengganu buat persiapan tangani fenomena bencana setiap 40 tahun

Oleh Nazura Ngah BH 13/11  
dan Hussain Said

**K**UALA TERENGGANU: Terengganu dijangka mengalami banjir luar biasa tahun ini berikutan cuaca tidak menentu dan kehadiran beribu timun laut di Pantai Batu Burok sejak petang Rabu lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata persiapan lebih besar berbanding tahun lalu perlu dilakukan selepas mengambil kira keadaan cuaca dan petanda kehadiran timun laut atau gamat itu.

Katanya, kerajaan negeri mengambil kira putaran banjir besar setiap 40 tahun dijangka berulang seperti banjir dikenali 'bah merah' 40 tahun lalu.

Berikutan itu, beliau sudah mengarahkan pegawai daerah dan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) bersiap menghadapi banjir dengan menyediakan lebih banyak bekalan makanan dan kelengkapan penyelamat seperti bot serta pusat pemindahan yang mampu memuatkan lebih ramai mangsa.

"Saya sudah menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada pegawai daerah dan Yang Dipertua awal pagi tadi (semalam) meminta

membuat persiapan lebih besar," katanya selepas Majlis Perjumpaan Menteri Besar dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di Dewan Besar Wisma Darul Iman, di sini semalam.

Idris juga meminta rakyat Terengganu membuat lebih banyak persiapan berbanding tahun sebelumnya bagi menghadapi banjir tahun ini.

Beliau berkata PBT juga diarah memastikan longkang tidak tersumbat dengan memulakan kerja meng gali dan membersihkan selain memastikan saluran air berjalan lancar.

### FAKTA NOMBOR

#### Pusat pemindahan banjir

24

Kuala Terengganu

65

Hulu Terengganu

33

Kemaman

Akhbar sebelum ini melaporkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mula menghantar bekalan makanan dianggarkan bernilai RM100,000 ke 89 pangkalan hadapan di seluruh negeri mulai Khamis lalu.

Bekalan beras, sardin, gula, susu tepung, minyak masak, biskut, garam, dan teh itu diagihkan ke sebanyak 307 pusat perpindahan jika berlaku banjir. Pangkalan hadapan yang dikenal pasti ialah satu di daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu (lapan), Kemaman (tujuh), Marang (15), Dungun (10), Besut (24) dan Setiu (31).

Sementara itu, Kementerian Pelajaran membuat persediaan rapi termasuk kemungkinan memindahkan pusat peperiksaan ke tempat selamat jika berlaku banjir ketika peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bermula esok.

Timbalan Menteri, Datuk Hon Choon Kim, berkata persiapan awal penting bagi menghadapi masalah hingga mengganggu tumpuan pelajar.

"Semua sekolah sudah diarah bersiap sedia," katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Konvokesyen Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat di Ampangan, Negeri Sembilan.



ANCAMAN TENGGUJUH: Sebuah kenderaan melalui jalan dinaiki air di Kampung Banggol Air Lilih, Batu Enam, semalam.